

Prepared for : _____

Print Date : _____

Product Disclosure Sheet

(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take out the HSBC Motor Insurance policy. Be sure to also read the general terms and conditions).

Financial Service Provider : Allianz General Insurance (Company) Malaysia Berhad (“We”/“Us”/“Our”)
Product Name : HSBC Motor Insurance

1. What is the product about?

This Policy provides insurance against liabilities to other parties for bodily injury or death, damage to other parties’ property, and accidental or fire damage to your vehicle or theft of your vehicle.

2. What are the covers/benefits provided?

Coverage	Private Car Comprehensive	HSBC Motor Insurance
Loss/Damage to own vehicle due to Accident, Fire/Theft	√	√
Third Party Bodily Injury and Death	√	√
Third Party Property Loss or Damage	√	√
Waiver of Compulsory Excess if not Named Driver (Compulsory Excess of RM400.00 will be waived provided the driver is not under 21 years old or holds a provisional or learner driver’s license)		√
Compassionate Allowance for Total Loss/Theft (an amount equivalent to 10% of the Sum Insured under Comprehensive cover subject to the maximum amount of RM2,000.00)		√
Compassionate Special Peril Allowance (RM3,000.00 as a form of allowance)		√
Key Care (Reimbursement for expenses incurred to replace stolen or damaged car key due to theft, up to RM2,000.00)		√
Car Break-In/Robbery (Reimbursement for expenses incurred to replace/repair your personal effects such as smart tag, driver’s license, eyes glasses in your car due to break-in/robbery, up to RM500.00)		√
Waiver of Betterment Contribution (Waiver of the cost of new original parts for age of car of 5 years to 10 years)		√
Car Inconvenience Allowance (allowance for your inconvenience whilst your car is being repaired due to an own damage claim to your car, RM50.00 per day, up to 3 days) <i>Note: The allowance will not be paid for any repair or replacement of windscreen or window(s) or for a total loss, theft.</i>		√
Death/Permanent Disablement (if you or your authorised driver suffer death or bodily injury due to an accident while driving your car)		√

Note: Please refer to the policy contract for the full features, benefits and scale of benefits.

Optional benefits (if applicable) that you may wish to purchase by paying additional premium:

- Windscreen damage
- Passenger liability cover
- Inclusion of Special Perils such as typhoon, storm, landslide or subsidence

This list is non-exhaustive. Please refer to Our branches and/or insurance intermediary for all other optional covers that are available.

NOTE:

- (i) It is an offence under the law of Republic of Singapore to enter the country without extending passenger liability cover to your motor insurance.
- (ii) Duration of cover is for 1 year. You need to renew the insurance cover annually.

3. How much premium do I have to pay?

The total premium that you have to pay may vary depending on the cubic capacity of the vehicle, sum insured, no-claim-discount (NCD) entitlement, optional benefits required and the underwriting requirements of the insurance company.

- Standard Cover : RM_____ premium for sum insured of RM_____
- Additional cover : RM_____
- The estimated total premium that you have to pay is RM_____

Example: For a new Perodua Myvi with a sum insured of RM55,000 and 35-year-old driver, the premium payable is as follows:

	Private Car Comprehensive (RM)	HSBC Motor Insurance (RM)
Premium	1,538.55	1,588.55
No Claim Discount – 55%	846.20	873.70
Gross Premium	692.35	714.85
8% Service Tax	55.39	57.19
Stamp Duty	10.00	10.00
Total Due	757.74	782.04

Note that the premium shown above is for illustration purposes only and may not be the final premium charged.

4. What are the fees and charges that I have to pay?

Type	Amount
• Commission paid to the insurance intermediary (if any)	• 10% of gross premium
• Stamp Duty	• RM10.00
• Service Tax	• 8% of premium

***The Service Tax (“ST”) amount herein may be subject to change as the ST rate applied shall be based on the prevailing rate(s) in accordance with the laws of Malaysia.**

5. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- **Importance of Disclosure**
 - **Consumer Insurance Contract**
Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this Insurance wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form and/or all the questions required by the Company fully and accurately and disclose any other matter that you know to be relevant to Our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied, otherwise it may result in avoidance of contract, claim denied or reduced, terms changed or varied, or contract terminated.

- **Non-Consumer Insurance Contract**

Pursuant to Paragraph 4(1) of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this Insurance for purposes related to your trade, business or profession, you have a duty to disclose any matter that you know to be relevant to Our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant, otherwise it may result in avoidance of contract, claim denied or reduced, terms changed or varied or contract terminated.

This duty of disclosure for Consumer and Non-Consumer Insurance Contract shall continue until the time the contract is entered into, varied or renewed. **You also have a duty to tell Us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with Us, any of the information given is inaccurate or has changed.**

- You must ensure that your vehicle is insured at the appropriate amount.
- Compulsory Excess and other Excess is the amount to be borne by you in the event of a claim.
- Cash Before Cover – The premium due must be paid and received by Us before cover commences. This insurance is automatically null and void if this condition is not complied with.
- Claims –If your vehicle is involved in any incident that could lead to a claim under this policy, you must send your vehicle to any of Our panel of approved workshops or any other repairer that We have given you special permission to use. Where We have not granted you special permission to send your vehicle to a specific repairer, your failure to send your vehicle to Our panel of approved workshops for repair would constitute a breach of your policy with Us and We can decline your claim. Where there are no panel of approved workshops at any nearby locations in the event of an incident, We may at Our discretion choose to either:
 - a) assist you to access the nearest workshop on Our panel and arrange for towing services to such workshop at no cost to you; or
 - b) allow your damaged vehicle to be repaired at a nearby motor repair workshop that is registered with Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), as may be determined by Us.

6. What are the major exclusions under this policy?

This policy does not cover certain losses such as:

- Your liability against claims from passengers in your vehicle.
- Loss, damage or liability arising from an act of nature i.e. Special Perils such as typhoon, storm, landslide or subsidence
- If the vehicle is used for racing, hire or reward including private hire car (e-Hailing usage).

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the policy contract for the full list of exclusions under this policy.

7. Can I cancel my policy?

You may cancel your policy at any time by giving written notice to Us. Upon cancellation, you are entitled to a refund of the premium based on pro-rata if your vehicle has been insured continuously for more than 12 months or short period rates if vehicle has not been continuously insured for more than 12 months within the same Company. Any minimum premium paid under the policy is not refundable. Refund premium is allowed provided no claim has arisen during the then current Period of Insurance.

8. What do I need to do if there are changes to my contact/personal details?

It is important that you inform Us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

9. Where can I get further information?

Should you require additional information about motor insurance, you can contact Us or any of Our branches or visit www.allianz.com.my

If you have any enquiries, please contact Us at:

Allianz Customer Service Center

Allianz Arena
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.
Allianz Contact Center: 1 300 22 5542
Email: customer.service@allianz.com.my
📱📷 AllianzMalaysia
🌐 allianz.com.my

10. Other types of motor insurance cover available:

- Private Car Comprehensive Cover

IMPORTANT NOTE:

YOU MUST ENSURE THAT YOUR VEHICLE IS INSURED AT THE APPROPRIATE AMOUNT AS IT WILL AFFECT THAT AMOUNT YOU CAN CLAIM. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE POLICY AND DISCUSS WITH THE INSURANCE INTERMEDIARY OR CONTACT THE INSURANCE COMPANY DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

The benefit(s) payable under eligible product is (are) protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 24/10/2024.

Disediakan untuk : _____

Tarikh Dicetak : _____

Lembaran Pendedahan Produk

(Sila baca lembaran pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli polisi HSBC Motor Insurance. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am).

Penyedia Khidmat Kewangan : Allianz General Insurance (Company) Malaysia Berhad ("Kami")
Nama Produk : HSBC Motor Insurance

1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberi perlindungan liabiliti ke atas pihak lain untuk kematian atau kecederaan anggota badan, kerosakan harta pihak lain dan kemalangan atau kerosakan kebakaran terhadap kenderaan anda atau kecurian terhadap kenderaan anda.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Perlindungan	Kereta Persendirian Komprehensif	HSBC Motor Insurance
Kehilangan atau kerosakan terhadap kenderaan sendiri disebabkan kemalangan, kebakaran atau kecurian	✓	✓
Kematian pihak ketiga atau kecederaan anggota badan	✓	✓
Kehilangan atau kerosakan harta terhadap pihak ketiga	✓	✓
Pengecualian Ekses Wajib jika bukan Pemandu Dinamakan* (Ekses Wajib RM400.00 akan dikecualikan bagi pemandu bukan di bawah umur 21 tahun atau pemegang lesen memandu sementara atau percubaan)		✓
Perlindungan Ihsan untuk Jumlah Kehilangan/Kecurian (jumlah bersamaan 10% daripada Jumlah Diinsuranskan di bawah perlindungan Komprehensif tertakluk kepada jumlah maksimum RM2,000.00).		✓
Perlindungan Ihsan Bencana Khas (RM3,000.00 sebagai elaun)		✓
Penjagaan Kunci (Pembayaran untuk perbelanjaan untuk menggantikan kecurian atau kerosakan kunci kereta kerana kecurian sehingga RM2,000.00)		✓
Pecah Masuk/Rompakan Kereta (pembayaran perbelanjaan untuk menggantikan /membaiki barangan peribadi Anda seperti smart tag, lesen memandu, kaca mata di dalam kereta Anda disebabkan pecah masuk/kecurian, sehingga RM500.00)		✓
Pengecualian Sumbangan Penambahbaikan (pengecualian kos untuk barang original yang baru untuk kereta 5 tahun sehingga 10 tahun)		✓
Elaun Ketidakselesaan Kereta (elaun ketidakselesaan anda semasa kereta anda dibaiki disebabkan tuntutan kerosakan sendiri kereta anda, RM50.00 sehari, sehingga 3 hari) <i>Nota: Elaun tidak akan dibayar untuk baik pulih atau penggantian cermin sisi atau tingkap bagi kehilangan keseluruhan, kecurian.</i>		✓
Kematian/Hilang Upaya Kekal (jika anda atau pemandu anda yang diberi kuasa mengalami kematian atau kecederaan badan akibat kemalangan semasa memandu kereta anda)		✓

Nota: Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lengkap, manfaat dan jadual manfaat.

Manfaat pilihan (jika ada) yang anda boleh beli dengan membayar premium tambahan:

- Kerosakan cermin.
- Perlindungan liabiliti penumpang.
- Peril khas seperti taufan, ribut, tanah runtuh atau penenggelaman tanah.

Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada cawangan Kami/atau wakil insurans untuk senarai penuh bagi perlindungan pilihan yang tersedia.

NOTA:

- (i) Adalah satu kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura untuk memasuki negara tersebut tanpa perlindungan liabiliti penumpang di dalam insurans kenderaan anda.
- (ii) Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar bergantung pada keupayaan enjin, nilai insurans kenderaan anda, kelayakan diskaun tanpa tuntutan (NCD) dan keperluan pengunderaitan syarikat insurans.

- Perlindungan normal: RM_____ premium untuk jumlah yang diinsuranskan RM_____
- Perlindungan tambahan: RM_____
- Anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar adalah: RM_____

Contoh: Perodua Myvi Baru, jumlah diinsuranskan RM55,000.00, dan pemandu berusia 35 tahun, premium yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

	Kereta Persendirian Komprehensif (RM)	HSBC Motor Insurance (RM)
Premium	1,538.55	1,588.55
Diskaun Tanpa Tuntutan – 55%	846.20	873.70
Premium Kasar	692.35	714.85
8% Cukai Perkhidmatan	55.39	57.19
Duti Setem	10.00	10.00
Jumlah perlu dibayar	757.74	782.04

Sila ambil perhatian bahawa premium yang ditunjukkan di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin bukan premium akhir yang dikenakan.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
• Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	• 10% daripada premium kasar
• Duti Setem	• RM10.00
• Cukai Perkhidmatan	• 8% of daripada premium

Amaun Cukai Perkhidmatan (“CP”) di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- **Kepentingan pendedahan**
 - **Kontrak Insurans Pengguna**
Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Syarikat dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

- **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak diguna pakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. **Anda juga mempunyai kewajiban memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.**

- Anda harus memastikan jumlah yang diinsuranskan adalah berpatutan.
- Ekses Wajib dan Ekses lain ialah jumlah yang perlu ditanggung oleh pemegang polisi jika berlaku tuntutan.
- Pembayaran sebelum perlindungan – Premium hendaklah dibayar dan diterima oleh Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad sebelum perlindungan sah. Insurans secara automatik akan menjadi tak sah dan tak laku jika syarat ini tidak dipenuhi.
- Tuntutan – Jika kenderaan anda terlibat dalam sebarang insiden yang boleh membawa kepada tuntutan di bawah polisi ini, anda mesti menghantar kenderaan anda ke mana-mana panel bengkel Kami yang diluluskan atau mana-mana bengkel pembaikan lain yang telah Kami berikan kebenaran khas kepada anda untuk digunakan. Jika Kami tidak memberikan kebenaran khas kepada anda untuk menghantar kenderaan anda kepada pembaikan tertentu, kegagalan anda menghantar kenderaan anda ke panel bengkel Kami yang diluluskan untuk dibaiki akan menyebabkan pelanggaran polisi anda dengan Kami dan Kami boleh menolak tuntutan anda. Sekiranya tiada panel bengkel yang diluluskan di mana-mana lokasi berdekatan sekiranya berlaku insiden, Kami boleh mengikut budi bicara Kami untuk sama ada:
 - a) membantu anda mengakses panel bengkel terdekat dan mengatur perkhidmatan menunda ke bengkel tersebut tanpa sebarang kos kepada anda; atau
 - b) membenarkan kenderaan anda yang rosak dibaiki di bengkel pembaikan motor berdekatan yang telah didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) seperti yang ditentukan oleh Kami.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang dalam kenderaan anda.
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul daripada perbuatan semula jadi iaitu Peril Khas seperti taufan, ribut, tanah runtuh atau penenggelaman tanah.
- Jika kenderaan digunakan untuk perlumbaan, sewa atau tambang termasuk kereta sewa persendirian (kegunaan e-Hailing).

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada syarikat insurans. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium berdasarkan pro-rata jika kenderaan anda telah diinsuranskan secara berterusan untuk lebih dari 12 bulan atau pada kadar tempoh singkat jika kenderaan anda tidak diinsuranskan secara berterusan untuk lebih daripada 12 bulan dengan syarikat yang sama. Mana-mana premium minimum yang dibayar dibawah polisi ini tidak boleh dipulangkan

sama sekali. Pemulangan premium adalah dibenarkan jika tiada sebarang tuntutan dibuat sepanjang tempoh insurans semasa.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran untuk dihubungi atau peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat dengan lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang insurans motor, anda boleh menghubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau layari www.allianz.com.my

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena


Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral

Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur.

Pusat Hubungan Pelanggan Allianz: 1 300 22 5542

E-mel: customer.service@allianz.com.my

  AllianzMalaysia

 allianz.com.my

10. Lain-lain jenis insurans motor yang tersedia:

- Perlindungan Kereta Komprehensif

NOTA PENTING:

ANDA PERLU MEMASTIKAN KENDERAAN ANDA DIINSURANSKAN DENGAN JUMLAH YANG SEPATUTNYA KERANA MELIBATKAN JUMLAH TUNTUTAN YANG ANDA BOLEH TUNTUT. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA INSURANS ANDA ATAU HUBUNGI TERUS UNTUK KETERANGAN LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Informasi yang disediakan ini sah laku dari 24/10/2024.